

TARIKH	JUMAAT, 3 MEI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	'HANYA KAKITANGAN AWAM GRED RENDAH NAIK GAJI 35 PERATUS 2007'
M/S	4
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	SALARY

'Hanya kakitangan awam gred rendah naik gaji 35 peratus 2007'

Fahmi perjelas kadar diumumkan Anwar antara kenaikan tertinggi dalam sejarah

Putrajaya: Kenaikan gaji penjawat awam hingga 35 peratus pada 2007, cuma membabitkan kumpulan pelaksana dua Gred Satu iaitu gred rendah, kata Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil.

Beliau yang juga Menteri Komunikasi berkata, ketika itu tangga gaji bagi kumpulan pelaksana dua, yang berada di Gred Satu hanya sekitar RM800.

"Bagi yang menyebarkan (kenaikan) 35 peratus pada 2007, ada dua perkara sangat penting. Mereka hanya baca tajuk saha-

ja, 35 peratus pada waktu itu merujuk penjawat awam dalam Kumpulan Pelaksana Dua Gred Satu.

"Waktu itu, Gred Satu pada 2007, pendapatan RM800 sebulan. Keadaan ekonomi jauh berbeza. Kalau nak diungkit, kena berlaku adil, konteksnya berbeza," katanya selepas perasmian pejabat Pakatan Harapan (PH) malam kelmarin.

Fahmi berkata demikian bagi menjelaskan kenaikan gaji lebih 13 peratus penjawat awam yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam sambutan Hari Pekerja pagi semalam adalah antara kenaikan tertinggi dalam sejarah.

Beliau berkata, pada 2007, penjawat awam dalam kumpulan tertinggi hanya menerima kenaikan gaji sekitar 7.5 peratus.

"Kalau nak dibandingkan itu-lah konteksnya, kenaikan 35 peratus (waktu itu) hanya 1/4 daripada cerita penuh, angka disebut Perdana Menteri hari ini

Waktu itu, Gred Satu pada 2007, pendapatan RM800 sebulan. Keadaan ekonomi jauh berbeza. Kalau nak diungkit, kena berlaku adil, konteksnya berbeza

Fahmi Fadzil,
Jurucakap
Kerajaan
Perpaduan



lebih tinggi daripada kali terakhir Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dikaji semula.

"Apapun bermula 1 Disember,

penjawat awam dapat gaji lebih," katanya.

Tak wajar jadi perdebatan

Sementara itu, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata kadar kenaikan gaji penjawat awam yang diumumkan itu tidak wajar dijadikan sebagai topik perdebatan umum.

Beliau berkata, kerajaan menghargai semua golongan pekerja daripada pelbagai sektor dan dasar Gaji Progresif sebagai bukti komitmen untuk menaikkan kadar upah minimum kakitangan swasta.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam merangkap Setiausaha Organisasi DAP itu turut menyifatkan kakitangan awam sebagai petugas barisan hadapan bagi kerajaan.

"Jika mahu ekonomi negara rancak supaya (kerajaan) boleh mewujudkan peluang pekerjaan lebih baik, maka kita perlukan penjawat awam yang memiliki produktiviti dan kecekapan yang lebih tinggi.

"Menerusi penghayatan dan penghargaan diberi kepada penjawat awam, saya yakin ia akan memberi motivasi untuk mereka terus melaksanakan tugas serta bersama-sama membangunkan ekonomi negara," katanya ketika ditemui pada program Suara Anak MADANI yang turut dihadiri Menteri Pendidikan Tinggi merangkap Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir di Kuala Kubu Bharu, malam kelmarin.

Sementara itu, Steven berkata, tahun lalu negara mencatatkan jumlah pelaburan diluluskan RM329.5 bilion, hasil dukungan penjawat awam bagi merealisasikan kejayaan berkenaan.

"Dengan adanya pelaburan ini baru ekonomi kita berkembang, seterusnya akan ada peluang pekerjaan yang menawarkan gaji lebih baik. Jadi dia ada hubungan simbiosis ataupun hubungan kerjasama, ia bukan satu persaingan," katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM